

PROJEK PROGRAM PERUMAHAN MASYARAKAT SETEMPAT

AB RAHMAN BIN MOHAMED@ISMAIL

Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah)

Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah  
Universiti Teknologi Malaysia

JUN 2016

## **DEDIKASI**

*Sekalung budi buat:*

*Isteri tercinta, ummi, abang dan kakak-kakak*

*Terima kasih atas segala doa dan dorongan*

*Serta*

*Keluarga tersayang*

*Dan Rakan-rakan seperjuangan*

*Segunung harapan untuk:*

*Farah Najihah*

*Farah Nabihah*

*Ahmad Haziq Waquiuddin*

*Tunduklah seperti padi*

*Diamlah seperti ubi*

*Ingatlah selalu akan mati*

*Jangan melawan takdir ilahi*

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana berkat limpah kurnia dan dengan izinNya, telah memberi kesihatan yang baik, kesabaran dan semangat untuk saya menyempumakan tesis ini.

Sesungguhnya saya terhutang budi kepada penyelia saya Dr Wan Ibrism Fikry Bin Wan Ismail yang telah membimbing saya dengan penuh dedikasi, ketekunan dan kesabaran tanpa mengira tempat dan waktu baik secara bersemuka maupun secara *online* disepanjang projek ini dibuat.

Ribuan terima kasih juga kepada Kerajaan Negeri Johor kerana membiayai pengajian saya serta kepada pihak Pejabat Daerah Muar, Pejabat Tanah Muar, Penghulu Mukim Sg. Balang yang telah memberi sokongan dan kerjasama yang amat tinggi sehingga kajian dapat dijalankan dengan jayanya.

Berkat doa isteri dapat saya menyiapkan projek ini. Syukur kehadiran Allah s.w.t. Begitu juga kepada Haironnazli, Nurul'ain, Nurul Asma, Ruzaili, yang membantu dalam pemungutan data dan bantuan lain baik secara material maupun spiritual.

Sekalung penghargaan buat semua pensyarah di Jabatan Pentadbiran dan Pembangunan Tanah, Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi, Universiti Teknologi Malaysia. Akhir sekali, saya meletakkan projek ini pada skala yang paling tidak bermakna tanpa pertolongan Allah dan sokongan dari anda semua. Semoga Allah memberkatinya.

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk (i) mengkaji keberkesanan pelaksanaan projek PPMS. Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) adalah satu program yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000) untuk memperbaiki rumah penduduk Malaysia yang kurang berkemampuan di kawasan-kawasan pedalaman. Salah satu daripada program yang terkandung dalam PPRT adalah Program Penempatan Masyarakat Setempat (PPMS). Program ini menyediakan bantuan dari segi kewangan dan pengurusan bagi membangunkan kawasan-kawasan penempatan kumpulan sasar samaada secara in-situ atau penempatan baru. Projek ini dijalankan adalah untuk membantu meningkatkan pendapatan golongan tersebut, menyediakan keperluan kemudahan sosial seperti dewan orang ramai, surau dan sebagainya untuk kegunaan mereka. Disamping itu juga, projek ini juga dapat membantu untuk menyediakan infrastruktur dan utiliti asas seperti penyambungan bekalan elektrik dan air serta menjalankan kerja baikpulih keatas infrastruktur yang sedia ada. Lokasi kajian dipilih adalah di Projek PPMS Sg. Gersik, Muar. Ianya bermula dengan lawatan Urusetia *Focus Group* yang telah diadakan pada 15 November 2015 ke tempat kajian dan didapati bahawa rumah dan kemudahan infrastruktur adalah pada tahap yang tidak memuaskan. Dalam kajian ini, data-data primer diperolehi daripada temubual secara bersemuka dengan penduduk Projek PPMS Sg. Gersik, Muar, manakala data sekunder dikumpul daripada laporan-laporan kerajaan. Data-data yang telah dianalisis secara kualitatif dipersembahkan dalam bentuk huraian dan penerangan. Beberapa cadangan dibuat seperti mewujudkan perjanjian menduduki rumah di PPMS dan kajian kesesuaian penempatan semula dikawasan yang baru serta menambah luas tanah Projek PPMS melalui Pengambilan Balik Tanah (PBT) oleh kerajaan. Akhir sekali, setiap perjanjian yang dibuat oleh peserta dan kerajaan ditepati untuk menjamin pengurusan Projek PPMS pada tahap yang terbaik.

## ABSTRACT

The aim of this research is to (i) review the effectiveness of the implementation of PPMS. PPRT is a program contained in the Seventh Malaysia Plan (1996-2000) for the repair of houses malaysia underprivileged in rural areas. One of the programs contained in the PPRT is PPMS. This program provides financial assistance for the development and management of settlement areas targeted groups either in-situ or new settlements. This project is to help increase the income of the supply needs of social facilities such as community halls, surau and others for their use. In addition, this project will also help to provide infrastructure and basic utilities such as electricity and water supply connection and perform repair work on existing infrastructure. The location chosen was in PPMS Project Sg. Gersik, Muar. It starts with a visit to the Secretariat of the Focus Group which was held on 15 November 2015 to study and found that the house and the infrastructure is in unsatisfactory level. In this study, primary data obtained from interviews face to face with the PPMS Project Sg. Gersik, Muar, while secondary data collected from government reports. The data were analyzed qualitatively presented in the description and explanation. Some suggestions were made such as establishing an agreement to occupy the house in PPMS and feasibility study of the new resettlement area and increase the area of land through the PPMS Project Land Acquisition (PBT) by the government. Finally, any agreement made by the participants and the government met to ensure project management PPMS at its best.

## ISI KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
	<b>HALAMAN PENGAKUAN</b>	iii
	<b>HALAMAN DEDIKASI</b>	iv
	<b>PENGHARGAAN</b>	v
	<b>ABSTRAK</b>	vi
	<b>ABSTRACT</b>	vii
	<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	viii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
	<b>SENARAI SINGKATAN NAMA</b>	xiv
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvi
<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang	1
	1.3 Penyataan Masalah	3
	1.4 Matlamat Kajian	5
	1.5 Objektif Kajian	5
	1.6 Skop Kajian	6
	1.7 Kepentingan Kajian	7
	1.8 Metodologi Kajian	7
	1.9 Susun Atur Bab	13

<b>2</b>	<b>PROJEK PROGRAM PERUMAHAN MASYARAKAT SETEMPAT DAN STRATEGI PEMBASMIAN KEMISKINAN</b>	<b>16</b>
2.1	Pengenalan	16
2.2	Keperluan <i>Daruriyyah</i>	17
2.3	Keperluan <i>Hajiyyah</i>	21
2.4	Keperluan <i>Tahsiniyah</i>	21
2.5	Teori Hierarki Keperluan Maslow	22
2.6	Definisi Rumah dan Perumahan	24
2.7	Konsep dan Definisi Kemiskinan	24
2.8	Jawatankuasa <i>Focus Group</i> Pembasmian Kemiskinan Daerah Muar	27
2.9	Sistem Maklumat Kemiskinan Negara (eKasih)	30
2.10	Projek Perumahan Masyarakat Setempat (PPMS)	34
2.11	Program Pemajuan Kawasan (PPK)	45
2.12	Kesimpulan	52
<b>3</b>	<b>KAJIAN KES</b>	<b>53</b>
3.1	Pengenalan	53
3.2	Latar Belakang Daerah Muar	54
3.3	Latar Belakang Mukim Sg. Balang	58
3.4	Lokasi Kawasan Kajian: Kg Sg. Gersik	62
3.5	Projek PPMS Sg. Gersik	65
3.6	Rumusan	69
<b>4</b>	<b>ANALISIS KAJIAN</b>	<b>70</b>
4.1	Pendahuluan	70
4.2	Analisis Kualitatif	71
4.3	Kaedah Pengumpulan Data dan Analisis Data	71
4.4	Responden Kajian Projek PPMS Sg Gersik	72
4.5	Analisa Maklumat Latarbelakang, Sosioekonomi dan Maklumat Kediaman Responden Penghuni Penempatan	74
4.6	Analisa Isu-isu Pengabaian Projek PPMS Sg. Gersik	81
4.7	Analisa Peranan dan Penglibatan Agensi Kerajaan	96

4.8	Mengkaji Masalah Pengurusan Projek PPMS Sg. Gersik	101
<b>5</b>	<b>CADANGAN DAN KESIMPULAN</b>	<b>106</b>
5.1	Pengenalan	106
5.2	Pencapaian Objektif	107
5.3	Limitasi Kajian	108
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	108
5.5	Cadangan Kajian	110
5.6	Kesimpulan	112
	<b>RUJUKAN</b>	<b>114</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>121</b>



## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Pendapatan Garis Kemiskinan	32
4.1	Pembahagian Soalan Temubual	72
4.2	Senarai Responden Penghuni Penempatan	73
4.3	Senarai Responden Pihak Yang Berkepentingan	74
4.4	Maklumat Latar belakang Responden	76
4.5	Maklumat Sosioekonomi Responden	78
4.6	Maklumat Kediaman Responden	80
4.7	Jawapan Responden Di Bahagian B, Isu 1(a)	81
4.8	Jawapan Responden Di Bahagian B, Isu 1(b)	82
4.9	Jawapan Responden Di Bahagian B, Isu 1(c)	83
4.10	Jawapan Responden Di Bahagian B, Isu 1(d)	84
4.11	Jawapan Responden Di Bahagian B, Isu 2(a)	85
4.12	Jawapan Responden Di Bahagian B, Isu 2(b)	86
4.13	Jawapan Responden Di Bahagian B, Isu 2(c)	86
4.14	Jawapan Responden Di Bahagian B, Isu 2(d)	87
4.15	Jawapan Responden Di Bahagian B, Isu 2(e)	87
4.16	Jawapan Responden Di Bahagian B, Isu 3(a)	88
4.17	Jawapan Responden Di Bahagian B, Isu 3(b)	88
4.18	Jawapan Responden Di Bahagian B, Isu 3(c)	89
4.19	Jawapan Responden Di Bahagian B, Isu 3(d)	89
4.20	Jawapan Responden Di Bahagian B, Isu 3(e)	90
4.21	Jawapan Responden Di Bahagian B, Isu 3(f)	90
4.22	Jawapan Responden Di Bahagian B, Isu 3(g)	91
4.23	Jawapan Responden Di Bahagian B, Isu 4(a)	92

4.24	Jawapan Responden Di Bahagian B, Isu 4(b)	92
4.25	Jawapan Responden Di Bahagian B, Isu 4(c)	93
4.26	Jawapan Responden Di Bahagian B, Isu 4(d)	93
4.27	Jawapan Responden Di Bahagian B, Isu 4(e)	94
4.28	Jawapan Responden Di Bahagian B, Isu 4(f)	94
4.29	Jawapan Responden Di Bahagian C, Isu 1(a)	98
4.30	Jawapan Responden Di Bahagian C, Isu 1(b)	99
4.31	Jawapan Responden Di Bahagian C, Isu 1(c)	99
4.32	Jawapan Responden Di Bahagian C, Isu 1(d)	100
4.33	Jawapan Responden Di Bahagian C, Isu 1(e)	100
4.34	Jawapan Responden di Bahagian D(a)	102
4.35	Jawapan Responden di Bahagian D(b)	102
4.36	Jawapan Responden di Bahagian D(c)	103
4.37	Jawapan Responden di Bahagian D(a)	103
4.38	Jawapan Responden di Bahagian D(b)	104
4.39	Jawapan Responden di Bahagian D(c)	104

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1	Metodologi Kajian	8
3.1	Peta Daerah Muar	55
3.2	Peta Mukim Sungai Balang	59
3.3	Lakaran Kedudukan Bangunan Projek PPMS Sg. Gersik	68

## SENARAI SINGKATAN NAMA

AIR	Ahli Isi Rumah
CPI	<i>Consumer Price Index</i>
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DPN	Dasar Pembangunan Nasional
EPU	Unit Perancang Ekonomi
FELCRA	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan
<i>ICU</i>	Unit Penyelaras Pelaksanaan
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JKKK	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JPP	Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri
KEDA	Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah
KESEDAR	Lembaga Kemajuan Wilayah Kelantan Selatan
KETENGAH	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah
KIR	Ketua Isi Rumah
KPLB	Kementerian Pembangunan Luar Bandar
KKLW	Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
MAIJ	Majlis Agama Islam Johor
MPM	Majlis Perbandaran Muar
OKU	Orang Kurang Upaya
PBR	Program Bantuan Rumah
PGK	Paras Garis Kemiskinan
PLP	Program Latihan dan Pendidikan
PPK	Program Pemajuan Kawasan

PPMI	Program Pembangunan Minda Insan
PPMS	Program Perumahan Masyarakat Setempat
PPP	Program Peningkatan Pendapatan
PPRT	Projek Perumahan Rakyat Termiskin
PTD	Pentadbir Tanah Daerah
RDA	<i>Recommended Daily Allowance</i>
RISDA	Pihak Berkuasa Pekebun Kecil Getah
RRJP	Rancangan Rangka Jangka Panjang
SPKR	Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat
SPNB	Syarikat Perumahan Negara Berhad
UPEN	Unit Perancang Ekonomi Negeri
YDP	Yang Dipertua

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
A	Soalan Temubual	121

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Bab ini menerangkan mengenai latar belakang, pernyataan masalah, matlamat kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, metodologi kajian dan susun atur bab.

#### **1.2 Latar Belakang**

Kemiskinan merupakan situasi serba kekurangan yang terjadi atas kehendak dan kerelaan setiap isi rumah miskin. Pengenalan isi rumah miskin ini boleh dikenalpasti berdasarkan kekurangan pendapatan untuk membeli keperluan asas, tingkat pendidikan yang rendah, tidak memiliki harta benda, tidak sihat tubuh badan, kekurangan makanan dan pakaian, tiada tempat tinggal yang selesa dan tiada pekerjaan yang menjamin kelangsungan hidup. Kesemua keadaan ini akan menyebabkan isi rumah tiada daya upaya untuk keluar daripada lingkaran

kemiskinan jika tiada bantuan dan sokongan daripada pihak yang berkuasa. Permasalahan kemiskinan ini jika tidak dikawal dan dibasmi mampu mengugat kestabilan ekonomi dan politik sesebuah Negara. Ini kerana mati kelaparan, kekurangan makanan, penyakit dan kekurangan pendidikan dalam kalangan orang ramai boleh menyebabkan seseorang terjerumus ke lembah penjenayahan untuk menikmati hidup dalam kemewahan (Nor Ghani 1984).

Oleh hal yang demikian, terdapat pelbagai bantuan yang telah disalurkan melalui agensi-agensi yang berkaitan seperti Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan juga Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah (KKLW). Agensi-agensi ini menyalurkan bantuan dalam pelbagai bentuk termasuklah Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT), dividen bulanan FELCRA, bantuan bulanan kewangan bagi orang tua, kanak-kanak, elaun pekerja cacat, bantuan penjagaan pesakit kronik / OKU dan sebagainya.

Perumahan merupakan keperluan asas bagi kehidupan seseorang manusia dimana ianya berfungsi sebagai tempat yang memberi perlindungan dan keselamatan kepada penghuninya. Dari segi sejarah, keperluan manusia terhadap tempat tinggal telah berlaku sejak zaman batu lagi. Pada masa itu manusia menjadikan pokok-pokok besar dan gua-gua sebagai tempat berlindung (Radzuan, 2007).

Seiring dengan perkembangan masa, tempat tinggal manusia kemudiannya berubah kepada kediaman secara tradisional di kampung-kampung dan seterusnya kediaman moden yang merupakan rumah-rumah batu termasuk taman-taman perumahan. Rumah yang dibina pula meliputi pelbagai jenis, bentuk, saiz dan kos (Radzuan, 2007).

Evolusi yang berpanjangan ini telah membawa kepada pemikiran manusia untuk menjadikan kediaman mereka samaada di kampung atau di taman-taman perumahan bukan sahaja untuk berlindung dari panas dan hujan malah lebih daripada



itu. Kini rumah merupakan inspirasi kepada perkembangan sesebuah keluarga seterusnya membentuk masyarakat dan akhirnya terbinalah sebuah Negara. Titik tolak dari kesedaran tersebut pihak kerajaan melalui pelbagai agensi telah memberi penumpuan terhadap keperluan perumahan rakyat. Salah satu daripada usaha tersebut ialah dengan memberi bantuan rumah dan pembaikan rumah kepada golongan miskin terutama di kawasan luar bandar agar mereka sama-sama dapat menikmati kehidupan yang lebih selesa (Radzuan, 2007).

Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) adalah salah satu program yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000). Rancangan ni adalah untuk membantu membaiki rumah penduduk Malaysia yang kurang berkemampuan di kawasan-kawasan pendalaman. Salah satu daripada program yang terdapat dalam PPRT adalah Program Penempatan Perumahan Setempat (PPMS), Pembangunan kawasan secara in-situ atau penempatan baru kepada kumpulan sasar dengan diberi bantuan dari segi kewangan dan pengurusan. Projek ini dijalankan adalah untuk membantu meningkat pendapatan golongan tersebut, menyediakan keperluan kemudahan sosial seperti dewan orang ramai, surau dan sebagainya untuk kegunaan mereka. Disamping itu juga, projek ini juga dapat membantu untuk menyediakan infrastruktur dan utiliti asas seperti penyambungan bekalan elektrik dan air, menjalankan kerja baikpulih ke atas infrastruktur yang sedia ada. Oleh itu, lokasi yang telah dikenalpasti untuk menjalankan kajian adalah di Projek PPMS, Sg Gersik, Mukim Sg Balang, Muar.

### **1.3    Penyataan Masalah**

Keselesaan penduduk dalam sesuatu kediaman dipengaruhi oleh faktor kediaman, faktor persekitaraan, faktor pengurusan dan faktor penduduk itu sendiri. Menyedari bahawa rumah adalah keperluan asas penduduk dan keselesaan rumah pula penting untuk meningkatkan kualiti hidup, maka kerajaan telah berusaha

membantu golongan miskin dan tidak berkemampuan untuk memiliki rumah termasuk bantuan pembaikan atas rumah yang sedang diduduki (Onibokun, 1974 dalam Radzuan, 2007).

Soal keselesaan rumah merupakan sesuatu yang subjektif dan ditakrifkan dengan makna yang berbeza. Bagi seorang arkitek, soal keselesaan lebih tertumpu kepada penyediaan rekabentuk dalaman dan luaran manakala bagi seorang perancang bandar pula, aspek sosial ditekankan dengan penyediaan pelbagai kemudahan awam (Radzuan, 2007).

Dalam melaksanakan program-program bantuan berkaitan rumah kepada golongan miskin, penilaian perlulah dilakukan untuk melihat samaada program bantuan yang diberikan mencapai matlamat yang diinginkan dan selari dengan usaha pembasmian kemiskinan terutamanya dikalangan penduduk luar bandar (Radzuan, 2007).

Perbincangan isu tapak projek PPMS Sg. Gersik telah diadakan pada 12 November 2015 dan disusuli dengan lawatan kumpulan pada 15 November 2015. Tinjauan telah dibuat di tapak projek PPMS Sg. Gersik dan mendapati rumah dan infrastruktur di kawasan tersebut adalah pada tahap yang kurang memuaskan. Perkara ini juga telah dibangkitkan oleh YB ADUN Sg. Balang, beliau mengutarakan mengenai keadaan yang tidak selesa dikalangan penghuni-penghuni di penempatan tersebut.

Kajian ini cuba melihat dan mengkaji keberkesanan pelaksanaan projek ini. Kenapa projek PPMS tidak berjaya?

Menjadi persoalan juga, dimanakah agensi-agensi kerajaan, pertubuhan pertubuhan dan NGOs dalam usaha untuk membaiki dan menyelenggara rumah,

infrastruktur yang sedia ada serta bimbingan-bimbingan berbentuk rohani, seperti kelas-kelas agama dan sesi motivasi kepada penduduk di penempatan ini.

Penilaian ke atas peserta-peserta dibuat bertujuan menentukan keberkesanan pelaksanaan program. Oleh yang demikian, pengkaji telah memilih untuk menilai pelaksanaan Projek Program Penempatan Masyarakat Setempat (PPMS) Sg Gersik, Mukim Sungai Balang, Muar.

#### **1.4 Matlamat Kajian**

Matlamat kajian penyelidikan tesis ini adalah untuk menilai keberkesanan Projek PPMS Sg. Gersik, Mukim Sg Balang, Muar dalam mengatasi masalah kemiskinan.

#### **1.5 Objektif Kajian**

Objektif kajian untuk mendapatkan matlamat menilai keberkesanan Projek PPMS Sg. Gersik, Mukim Sg. Balang, Muar dalam mengatasi masalah kemiskinan adalah sebagaimana seperti berikut:

- (i) Mengkaji isu-isu yang berkaitan dengan Projek PPMS Sg. Gerisek, Mukim Sungai Balang yang menyebabkan kawasan penempatan terabai.

- (ii) Mengkaji peranan dan penglibatan agensi kerajaan terhadap Projek PPMS Sg. Gersik, Mukim Sungai Balang khusus kepada aspek perancangan, penyelarasan dan pelaksanaan program ini.
- (iii) Mengkaji masalah pengurusan Projek PPMS Sg. Gersik, Sg. Balang.

## **1.6 Skop Kajian**

Skop kajian ditentukan berasaskan kepada tiga objektif kajian penyelidikan dan matlamat kajian ini dijalankan adalah untuk menilai keberkesanan Projek PPMS Sg. Gersik, Mukim Sg Balang, Muar dalam mengatasi masalah kemiskinan. Melalui objektif pertama kajian, pengkaji mendekati dan memahami isu-isu yang berkaitan dengan Projek PPMS Sg. Gerisek, Mukim Sungai Balang yang menyebabkan kawasan penempatan tersebut terabai.

Seterusnya kajian terhadap objektif kajian yang kedua iaitu pengkaji mengkaji peranan dan penglibatan agensi kerajaan terhadap Projek PPMS Sg. Gersik, Mukim Sungai Balang khusus kepada aspek perancangan, penyelarasan dan pelaksanaan program ini. Responden yang dipilih dalam skop kajian ini adalah Penolong Pegawai Daerah, Pentadbir Tanah Daerah, Penghulu Mukim, Ketua Kampung dan individu-individu yang ada kepentingan dengan Projek ini.

Melalui objektif kajian yang ketiga, pengkaji mengkaji permasalahan pengurusan Projek PPMS Sg. Gersik, Sg. Balang. Kawasan kajian yang dipilih dalam kajian ini adalah di Projek PPMS Sg. Gersik, Kg. Sg. Gersik, Mukim Sungai Balang, Muar. Muar Kajian khusus tentang program ini adalah yang pertama kali dijalankan oleh penyelidik.

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Projek PPMS merupakan salah satu usaha murni daripada pihak kerajaan bagi membantu golongan yang tidak berkemampuan untuk mendapatkan tempat perlindungan yang lebih selesa dan sempurna. Keselesaan tempat tinggal mempunyai pengaruh yang besar terhadap kualiti kehidupan ahli keluarga termasuk keselesaan untuk anak-anak belajar.

Kajian ini diharapkan dapat mengenalpasti masalah yang dihadapi dalam menguruskan bantuan bermula daripada aspek penerimaan bantuan sehingga kepada cara-cara pelaksanaan kerja dan penyelesaian permasalahan yang timbul.

Kajian yang dijalankan ini adalah berdasarkan isu dan masalah sebenar yang dihadapi oleh Pejabat Daerah Muar. Dengan adanya cadangan-cadangan dalam kajian ini adalah diharapkan ianya dapat membantu dan memberi manfaat kepada pejabat-pejabat daerah dalam menguruskan Projek PPMS.


Adalah diharapkan juga, pembaca dan pengkaji lain dapat memahami mengenai Projek PPMS seterusnya membuat kajian lanjutan mengenai isu-isu dan cadangan penambahbaikan projek PPMS.

## **1.8 Metodologi Kajian**

Metodologi sesuatu kajian adalah cara bagaimana tiap-tiap sesuatu objektif atau tujuan kajian itu dicapai dengan jayanya (Ahmad Mahzan Ayob, 1991). Secara

amnya, peringkat-peringkat kajian yang telah dikenalpasti terlibat bagi menjayakan kajian ini adalah sebagaimana berikut:

PERINGKAT 1 – Rekabentuk Kajian



Rajah 1.1 : Metodologi Kajian

Sumber : Kajian Penyelidik (2016)

### 1.8.1 Kajian Awalan

Merupakan pemilihan tajuk penulisan dan pemahaman awalan berkaitan metodologi kajian. Dalam kajian awalan ini, isu dan masalah yang hendak dikaji akan diketengahkan. Ini kerana hanya setelah mengenalpasti isu, maka matlamat dan objektif kajian akan dapat dibentuk dan langkah untuk mengumpulkan bahan-bahan dan data berkaitan dengan kajian dapat dijalankan.

### 1.8.2 Kajian Literatur

Di peringkat ini, bahan-bahan rujukan dihimpunkan yang kebanyakannya diperolehi dari pemahaman bahan bercetak seperti jurnal, perundangan dan lain-lain. Pengkaji berusaha mendapatkan teori-teori tentang keperluan manusia, garis panduan, Pekeliling mengenai penilaian *outcome*, Penempatan, Teori Hierarki Maslow, kemiskinan, PPMS, PPK dan bantuan – bantuan agensi kerajaan.

### 1.8.3 Peringkat Pengumpulan Data dan Analisis Data

#### 1.8.3.1 Data Sekunder

Data sekunder merujuk kepada data yang dikumpul, diperoleh, dicetak atau diterbitkan oleh pihak lain. Data sekunder boleh diperoleh melalui sumber-sumber seperti:

(i) Rekod jabatan

Sumber data pada peringkat jabatan seperti rekod operasi, penyata kewangan, laporan prestasi, statistik, sistem teknologi maklumat serta lain-lain dokumen seperti dasar, pelan induk, Kajian Rancangan Struktur, Rancangan Tempatan dan minit mesyuarat.

(ii) Rekod Jabatan/Agensi Lain

Data atau maklumat yang diperolehi dari jabatan atau agensi lain yang mempunyai hubung kait atau persamaan dengan program/projek pembangunan yang dilaksanakan

(iii) Sumber maklumat lain

Data atau maklumat yang diperolehi daripada sumber-sumber rujukan seperti jurnal, buku rujukan, laporan tahunan, kajian dan internet.

Data sekunder didapati dalam bentuk bertulis yang diperolehi daripada jabatan-jabatan kerajaan khususnya Pejabat Daerah Muar, Pejabat Tanah Muar, Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah, Cawangan Johor.

### 1.8.3.2 Data Primer

Data primer merujuk kepada data yang diperolehi penyelidik secara langsung daripada semua pihak yang berkepentingan sama ada daripada agensi pelaksana, pemimpin, pengubal polisi sehingga golongan sasar.

Data diperolehi daripada maklumbalas jabatan didalam minit mesyuarat *Focus Group*, reaksi, pendapat, kepercayaan dan pengetahuan semua pihak yang



berkepentingan. Ia diperolehi melalui beberapa metodologi penyelidikan seperti temu bual, perbincangan kelompok, pakar rujuk, pemerhatian dan kajian kes. Soalselidik ini lebih memfokuskan kepada penduduk Projek PPMS Sg. Gersik. Selain itu temubual juga dibuat keatas pihak-pihak yang terlibat secara langsung seperti Penolong Pegawai Daerah, Penghulu Mukim Sg Balang, Ahli Dewan Undangan Negeri Sg Balang, Ketua Kampung dan penduduk disekitar penempatan. Kaedah menilai yang digunakan adalah berpandukan Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012, Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program/Projek Pembangunan melalui penilaian outcome dan dibaca bersama dengan Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Bilangan 1 Tahun 2009 mengenai Garis Panduan Perancangan dan Penyediaan Program dan Projek Pembangunan.

#### 1.8.4 Peringkat Analisa Kajian

Data-data yang dikumpulkan akan dianalisis menggunakan kaedah kualitatif berdasarkan jawapan dan cadangan daripada responden. Hasil analisis pula akan dibentangkan menggunakan carta, jadual dan rajah. Dalam kajian ini populasi kajian adalah Penghuni Projek PPMS Sg. Gersik.

#### 1.8.5 Populasi Dan Sampel

Populasi adalah bermaksud sekumpulan objek, benda, kejadian ataupun individu yang mempunyai ciri-ciri yang sama yang ingin dikaji oleh penyelidik (Rohana Yusof, 2003).

Menurut Mahzan Ayob (1991), sampel pula adalah sekumpulan kecil unsur yang telah diambil daripada rangka persempelan. Saiz sampel perlu diambil bagi mewakili populasi kajian.

Dalam Kajian ini populasi kajian adalah mengikut penghuni PPMS Sg Gersik iaitu sejumlah 15 buah rumah. Sejumlah 12 orang ketua keluarga telah diambil untuk dijadikan sampel dan diandaikan saiz sampel ini dapat mewakili keseluruhan populasi dan temubual menjawab soalan-soalan yang dikemukakan. Turut ditemubual adalah seorang Pentadbir Tanah Daerah, Seorang Penolong Pegawai Daerah, Dua Orang Penghulu, Seorang Penolong Pegawai Tanah dan seorang Pembantu Tadbir.

#### 1.8.6 Kaedah Analisis Data

Penulis menggunakan analisis kualitatif dalam kajian ini bagi mencapai tiga objektif yang telah ditetapkan di awal kajian. Analisis secara kualitatif dilihat dapat menghuraikan dengan jelas isu-isu yang pengkaji telah fokuskan melalui objektif kajian yang ditetapkan.

#### 1.8.7 Rekabentuk Borang Soalselidik

Rekabentuk borang soalselidik mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan objektif dan skop kajian. Terdapat soalan yang dikemukakan kepada responden. Soalan-soalan yang dikemukakan dibentuk dalam empat bahagian iaitu:

- (i) Bahagian A: Mengandungi latarbelakang, sosioekonomi dan perumahan responden yang juga merupakan penghuni Projek PPMS Sg Gersik.
- (ii) Bahagian B: Berkenaan isu-isu pengabaian Projek PPMS Sg. Gersik.
- (iii) Bahagian C: Peranan dan penglibatan agensi kerajaan.
- (iv) Bahagian D: Pandangan umum dan cadangan penyelesaian

(Lihat Lampiran A-Contoh Borang Temubual)

#### 1.8.8 Peringkat Penemuan dan Cadangan Penambakaan

Hasil daripada analisis data dan penemuan kajian, beberapa cadangan penambahbaikan terhadap Projek PPMS Sg. Gersik akan dikemukakan. Pengkaji berharap dapat menemui perkara-perkara lain selain apa yang nampak di mata dan tidak sebagaimana perancangan awal penubuhan penempatan ini. Contohnya, menemui inisiatif penduduk menubuhkan kumpulan yasin dan sebagainya.

### 1.9 Susun Atur Bab

Kertas projek yang disediakan ini mengandungi lima bab yang meliputi bab pendahuluan, aspek teori yang berkaitan dengan perumahan dan isu-isu kemiskinan serta Projek PPMS, metodologi kajian, kajian kes dibuat di Projek PPMS Sg. Gersik,

Mukim Sg Balang, Muar, analisis kajian dan mengandungi cadangan dan kesimpulan. Penghasilan penulisan di setiap bab mengandungi perbincangan yang berbeza.

Bab pendahuluan adalah bab yang pertama penulisan ini mengandungi dan menerangkan mengenai pengenalan tentang keseluruhan kajian, kajian mengenai apa, dengan skop yang telah ditentukan dan kajian mengenai apa. Isu yang hendak dikaji diterangkan di bab pengenalan. Dibahagian pernyataan masalah diterangkan mengenai masalah-masalah yang timbul apabila melaksanakan Projek PPMS. Adalah ditetapkan juga, matlamat dan objektif kajian untuk dicapai pada akhirnya. Untuk mencapai objektif kajian, skop kajian ditentukan. Di dalam bahagian kepentingan kajian mengandungi manfaat kajian.

Bab yang pertama juga menerangkan tentang kaedah yang digunakan dalam melaksanakan kajian ini. Kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis kajian diterangkan. Umumnya, bab ini mengandungi reka bentuk kajian yang digunakan dalam melaksanakan kajian ini. Untuk analisa data, kaedah mengumpulkan data primer digunakan. Untuk mencapai objektif kajian, kaedah kajian yang digunakan hendaklah memenuhi kehendak dan betul.

Di dalam Bab yang kedua ini mengenai kajian teori atau literatur. Sumber rujukan mengenai kajian teori diperolehi melalui pembacaan melalui internet, garis panduan kertas kerja, Pekeliling dan tesis terdahulu untuk memperolehi maklumat yang berkaitan dengan definisi kemiskinan, jenis-jenis kemiskinan, isu-isu kemiskinan, Teori Hierarki Maslow, perumahan serta konsep Program Perumahan Masyarakat Setempat (PPMS), Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT), Program Pembangunan Kawasan (PPK) dan bantuan-bantuan agensi kerajaan.

Bab ketiga ialah kerja lapangan di kawasan kajian yang melibatkan proses pengumpulan data. Bab ini menerangkan mengenai latar belakang kajian iaitu Projek

PPMS Sg. Gersik, Mukim Sg. Balang, Muar. Bab ini membincangkan tentang pengurusan terkini program tersebut dan masalah-masalah yang timbul dalam melaksanakan program tersebut.

Bab keempat mengenai keputusan analisa kajian yang telah dibuat. Kaedah yang digunakan adalah menggunakan analisis secara kualitatif dikumpulkan dan diterangkan di dalam bab ini. Untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan dan tercapai ianya ditentukan oleh hasil analisis kualitatif. Untuk memperolehi hasil kajian, perbincangan mengenai objektif kajian dibuat dan akhirnya tahap pencapaian mengenai penemuan kajian diperolehi dan dibuat rumusan

Cadangan dan rumusan merupakan bab yang kelima di dalam penulisan tesis ini. Didalam bab ini mengandungi pengenalan, pencapaian objektif, limitasi kajian, cadangan kajian lanjutan, cadangan kajian dan mengenai kajian penulisan tesis ini.

## RUJUKAN

- Ahmad Mahdzan Ayob (1991), *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi: Suatu Pengenalan, Kuala Lumpur*: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Berita Harian (2015). “*Pemurunan paras kemiskinan kejayaan program ETP*” Berita Harian, 19 Mei 2015. <http://www.bharian.com.my/node/55783>
- Burnett, J. (1978) *Social History of Housing, London*: Edward Arnorld Publishers
- Bruce F. Johnston and William.Clarck (1982). *Redisigning Rural Development A Strategic Perspective*: The John Hopkins University Press Baltimore and London
- Chua Yan Piaw (2014). *Kaedah Penyelidikan, Edisi Ketiga*: McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Haironnazli Bin Esa (2000) *Persepsi dan Jangkaan Pelanggan Terhadap Kualiti Perkhidmatan Lembaga Tabung Haji Negeri Johor*: Universiti Teknologi Malaysia, Projek Sarjana
- Hasnah Ali (1991). *Ekonomi Wilayah Teori dan Amalan*: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ishomuddin (2016). *Hubungan Islam dan Politik Kajian Polemik dalam Cendediawan Islam*. Universitas Muhammadiyah Malang

Judith Getzels and Charles Thurow (1987). *Rural and Small Town Planning*: American Planning Association Washington, D.C. Chicago, Illinois

Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (2006). *Garis Panduan Tatacara Kerja Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung*

Kerajaan Johor (2016). *Suara Hati Johor*: Unit Media dan Komunikasi dan Firdaus Press

Kerajaan Malaysia (1996). *Rancangan Malaysia Kelapan (1996-2000)*, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.

Kerajaan Malaysia (2001). *Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005)*, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.

Kerajaan Malaysia (2006). *Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010)*, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.

Kerajaan Malaysia (2009). *Garis Panduan Perancangan Dan Penyediaan Program Dan Projek Pembangunan. Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Bilangan 1 Tahun 2009.*

Kerajaan Malaysia (2012). *Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program/Projek Pembangunan Melalui Penilaian Outcome. Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012.*

Kerajaan Malaysia (2005). *Garis Panduan Penilaian Program Pembangunan. Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2005.*

Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (2006). *Garis Panduan Pelaksanaan Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS) SPKR-RMK9 (2006-2010)*

- Malaysia (2001). *Kamun Tanah Negara 1965 (Akta 56/1965)*. International Law Book Services, Kuala Lumpur.
- Malaysia (2001). *Perlembagaan Malaysia*. International Law Book Services, Kuala Lumpur.
- Mansor Bin Sulaiman dan lain-lain (xx). “Had Al-Kifayah Di Kalangan masyarakat Islam: Merungkai Keperluan Kaedah Penentuan Garis Miskin dan Kaya Berasaskan Sunnah Di Malaysia” Universiti Malaysia Pahang.
- Miskam, Nurasyikin and Shafii, Haryati (2013) *Transformasi pembangunan luar bandar: kesan ke atas kesejahteraan hidup masyarakat*. In: *Persidangan Geografi & Alam Sekitar*, 5-6 Mei 2013, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.
- Mohd Fharuddin Bin Amran (1991) *Perancangan dan Pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan Luar Bandar Kajian Kes; Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT)*: Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah, Institut Teknologi Mara
- Mohd. Taib Haji Dora (1993) *Agihan Pembangunan Teori dan Pelaksanaan*: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Taib Dora (2000). *Peminggiran Sosial: Keluarga Melayu Termiskin Bandar, Skudai*: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia
- Norinah Mohd Ali (2002). “Pekerja Asing dan Kemiskinan Di Malaysia” Universiti Kebangsaan Malaysia
- Nor Ghani, M.1984. *Dimensi Kemiskinan dan Rancangan Pembasmian Kemiskinan. Siri Kumpulan Esei: Ekonomi Pembangunan*. Amir Hussin Baharuddin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



- Norzita Jamil, Siti Hadijah Che Mat (2014). *Realiti Kemiskinan: Satu Kajian Teoritikal*. Universiti Utara Malaysia
- Onibokun, A.G. (1974). *Evaluating Consumers Satisfaction With Housing: An Application of a System Approach*, Journal of the American Institute of Planners 40, No.3 (May): 189-200
- Pejabat Daerah Muar (2015a) *Minit Mesyuarat Jawatankuasa Focus Group Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) Peringkat Daerah Muar Bil. 1/2015, 2/2015, 3/2015, 4/2015, 5/2015, 6/2015, 7/2015, 8/2015, 9/2015, 10/2015*.
- Pejabat Daerah Muar (2015b) *Minit Mesyuarat Jawatankuasa Focus Group Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) Peringkat Daerah Muar Bil. 1/2016, 2/2016, 3/2016*.
- Radzuan Bin Osman (2007) *Persepsi Penerima Bantuan Terhadap Program Rumah Baiti Jannati Di Daerah Bandar Baharu, Kedah Darul Aman: Universiti Teknologi Mara, Projek Sarjana*
- Rohana Yusof (2003). *Penyelidikan Sains Sosial, Pahang: PTS Publication & Distributor Sdn Bhd*.
- Sar A. Levitan (1987). *Programs in Aid of the Poor: The John Hopkins University Press Baltimore and London*
- William R. Lassey (1977). *Planning in Rural Environment: Mc Graw-Hill Publications in the Agricultural Sciences*

**Laman Web**

<http://www.kpkt.gov.my/index.php/pages/view/285>

<http://www.kpwkm.gov.my/nkra/definisi>

[http://www.jkm.gov.my/announcement\\_details.php?nid=283&lang=bm](http://www.jkm.gov.my/announcement_details.php?nid=283&lang=bm)

<http://www.rurallink.gov.my/program-pemajuan-kawasan-ppk-tw/>

[https://ms.wikipedia.org/wiki/Lembaga\\_Kemajuan\\_Tanah\\_Persekutuan](https://ms.wikipedia.org/wiki/Lembaga_Kemajuan_Tanah_Persekutuan)

<https://ms.wikipedia.org/wiki/PPRT>

<http://pembangunan162.blogspot.my/2011/06/projek-perumahan-rakyat-ppr.html>

<http://pengajianislam.pressbooks.com/chapter/keperluan-daruriyyah/>

<http://pengajianislam.pressbooks.com/chapter/keperluan-hajiyyah/>

<http://pengajianislam.pressbooks.com/chapter/keperluan-tahsiniyyah/>

**Sumber Lisan**

Abu Bin Misri (2016). Ketua Kampong, Kg. Sg. Gersik

Ahmad Bin Othman (2016). Penghuni Projek PPMS Sg. Gersik, Mukim Sg. Balang, Muar

Amiruddin Bin Ismail (2016). Pengerak Masjid dan Surau, DUN Sg. Balang

Bohari Bin Mohamed (2016). Penghulu Mukim Sg. Balang

Faizal Bin Saad (2016). Penghuni Projek PPMS Sg. Gersik, Mukim Sg. Balang, Muar

Haironnazli Bin Esa (2016). Pentadbir Tanah, Pejabat Tanah Muar

Kamal Bin A. Rahman (2016). Penghuni Projek PPMS Sg. Gersik, Mukim Sg. Balang, Muar

MatJeni Binti Madrapid (2016). Penghuni Projek PPMS Sg. Gersik, Mukim Sg. Balang, Muar

Mohamed Rezan Bin Ahmat (2016). Penghuni Projek PPMS Sg. Gersik, Mukim Sg. Balang, Muar

Mohd Ruzaili Bin Azmi (2016). Penolong Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Muar

Muhammad Syafiq Bin Othman (2016). Penolong Pentadbir Tanah, Pejabat Tanah Muar

Musa Bin Othman (2016). Penghuni Projek PPMS Sg. Gersik, Mukim Sg. Balang, Muar

Rosnah Bte Rosnan (2016). Penghuni Projek PPMS Sg. Gersik, Mukim Sg. Balang, Muar

Sapuan Bin Main (2016). Penghuni Projek PPMS Sg. Gersik, Mukim Sg. Balang, Muar

Shahdan Bin A. Rahman (2016). Penghuni Projek PPMS Sg. Gersik, Mukim Sg. Balang, Muar

Tinah Bte Samadi (2016). Penghuni Projek PPMS Sg. Gersik, Mukim Sg. Balang, Muar

Tumirah Bte Basiron (2016). Penghuni Projek PPMS Sg. Gersik, Mukim Sg. Balang, Muar

Yahya Bin Mahmud (2016). Penghuni Projek PPMS Sg. Gersik, Mukim Sg. Balang, Muar

Zailani Bin Moslim (2016). Penolong Pegawai Tanah, Pejabat Tanah Muar

Zaiton Bin Ismail (2016), Ahli Dewan Undangan Negeri, Sg. Balang

Zulkifli Bin Roshah (2016). Penghulu Mukim Parit Jawa